

19/03/2000

Kekalahan di Jeli beri teladan kepada BN

RAMAI yang terperanjat apabila Datuk Mustapa Mohamed tewas dalam pilihan raya umum lalu. Tetapi kekalahan itu tidak bererti berakhirnya khidmat beliau. Pada 2 Februari lalu, beliau dilantik sebagai Penasihat Kementerian Kewangan. Wartawan Berita Minggu Veena Rusli menemu bual beliau untuk menyelami perancangan beliau seterusnya.

Tahniah di atas pelantikan Datuk sebagai Penasihat kepada Kementerian Kewangan. Bagaimana Datuk melihat tanggungjawab yang menunggu?

Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk terus berkhidmat kepada negara. Saya terharu dengan penghargaan itu dan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan dan akan berkhidmat sebaik mungkin.

Apakah tanggungjawab dan fungsi Datuk selaku Penasihat kepada Kementerian Kewangan?

Umumnya, saya berfungsi untuk memberi pandangan berhubung isu tertentu apabila diminta oleh Kementerian Kewangan. Untuk itu, saya sering mengadakan pertemuan dan berbincang dengan pegawai kementerian, juga pegawai kerajaan yang lain serta ahli ekonomi, tokoh akademik dan pihak swasta. Ini bertujuan mendapat maklum balas dan pandangan daripada mereka berhubung isu ekonomi dan kewangan semasa negara. Segala maklum balas dan pandangan ini kemudiannya disalurkan kepada pihak berkenaan.

Saya juga akan memberi ceramah di institusi tertentu untuk memberi penjelasan mengenai isu ekonomi semasa dan meningkatkan keyakinan rakyat dan pelabur mengenai prospek ekonomi Malaysia.

Selain itu, saya juga akan membantu dalam apa juga tugas yang diberikan oleh Kementerian Kewangan kepada saya dari semasa ke semasa.

Apa pandangan Datuk terhadap Belanjawan 2000?

Belanjawan 2000 membuktikan keprihatinan Kerajaan Pusat terhadap kebajikan rakyat. Pilihan raya umum sudah berlalu. Kerajaan bukan setakat mengotakan janjinya kepada rakyat malah membuat lebih daripada itu. Dalam Belanjawan ini, banyak bantuan diberikan kepada semua golongan rakyat, sama ada pelajar, kakitangan kerajaan, usahawan, pesara dan sebagainya. Seperti belanjawan terdahulu, belanjawan kali ini menunjukkan usaha berterusan Kerajaan dalam melindungi kepentingan rakyat dan negara.

Banyak pihak mengatakan Malaysia berada di landasan betul dalam memulihkan ekonominya. Dalam pada itu, ada juga pihak yang menyangkal. Apa komen Datuk?

Segala usaha yang dilakukan bagi memulihkan ekonomi negara mendatangkan hasil yang jelas. Walaupun ada pihak yang cuba mempersoal atau menafikan kejayaan yang dicapai, hakikat sebenarnya dapat dilihat dan dirasa oleh semua lapisan masyarakat.

Contohnya, langkah Kerajaan melaksanakan Pelan Tindakan Ekonomi Negara (PTEN) melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) jelas berkesan. Penubuhan MTEN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah satu langkah konkrit dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Ini sesuatu yang unik kepada Malaysia. Tiada negara lain yang mengambil tindakan bersepadu seperti Malaysia untuk memulihkan ekonomi. Dengan menggunakan pendekatan hands-on, tindakan segera diambil bagi mempertahankan kedaulatan negara.

Kawalan modal berpilih berjaya mempertahankan kedaulatan Malaysia sebagai negara merdeka dan bermaruah. Hasil pelaksanaan pelbagai langkah, Malaysia tidak mengalami keadaan huru-hara atau kacau-bilau seperti yang berlaku di sesetengah negara. Negara kita juga tidak bankrap, urusan

perniagaan dan perdagangan berjalan dengan baik, kadar inflasi dan pengangguran rendah manakala kadar faedah terkawal. Sebagai contoh, satu ketika dulu kadar faedah bagi pembelian rumah meningkat sehingga 15 peratus tapi kini angka itu turun ke tahap lima peratus saja.

Begitu juga dengan isu penggabungan bank, penyusunan semula sektor korporat serta bank dan sebagainya. Semuanya dapat diselesaikan menerusi cara yang memuaskan.

Menyentuh aspek politik, Parlimen Jeli kini tidak lagi berada di bawah Barisan Nasional (BN). Bagaimana dengan masa depan Jeli?

Masa depan Jeli banyak bergantung kepada penduduknya. Mereka yang menentukan apa yang dimahukan untuk masa depan. Ketika di bawah BN dulu, kita berusaha membawa pembangunan pesat demi kesejahteraan rakyat memandangkan Jeli agak ketinggalan berbanding jajahan lain.

Banyak projek Kerajaan Pusat dibawa ke sana. Saya berpuas hati kerana rasanya saya sudah melakukan yang terbaik setakat yang termampu. Saya percaya BN masih ada harapan untuk memenangi semula kerusi Parlimen Jeli kerana sekurang-kurangnya ada 48 peratus pengundi yang menyokong BN dalam pilihan raya umum lalu.

Saya melihat keputusan pilihan raya umum lalu dari perspektif positif kerana ia membolehkan saya melakukan muhasabah diri. Ia banyak meninggalkan pengajaran dan membuka peluang bagi kita memperbaiki diri dan keadaan. Ini semua menguatkan semangat saya untuk terus berkhidmat kepada penduduk Jeli.

Mungkin juga kita terlalu yakin untuk menang di Jeli. Mungkin juga kita kurang teliti dalam menangani isu tertentu dan tidak nampak arus yang menentang kita. Ini semua pengajaran yang kita jadikan teladan. Kini kita mulai menyedari beberapa kelemahan yang ada. Sudah pasti kita akan mencuba sebaik mungkin untuk mengatasi segala kekurangan itu supaya rakyat kembali menaruh keyakinan kepada kita.

Apa antara perancangan Datuk untuk memperbaiki keadaan di Jeli?

Kita membuat beberapa keputusan dan melaksanakan beberapa tindakan tertentu. Kita akan memperbanyakkan lagi program berbentuk penerangan dan keagamaan. Masyarakat perlu diberi maklumat yang benar dan tepat serta bersyukur dengan apa yang sudah diperolehi selama ini. Kita sudah melantik beberapa pegawai penerangan agama di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Selain itu, semua 116 cawangan Umno di Jeli turut diarah mengadakan mesyuarat dan kegiatan setiap bulan. Kita juga akan perbanyakkan program kemasyarakatan di setiap cawangan. Kita mahu setiap ahli Umno di peringkat cawangan dan bahagian cergas.

Perpaduan dan pemuafakatan di kalangan semua ahli Umno juga akan diberi penekanan. Bagi kita, usaha untuk menjadikan ahli Umno lebih bersatu adalah agenda yang penting.

Kita mahu semua pemimpin dan ahli jawatankuasa Umno semua peringkat selalu berjumpa dengan rakyat. Kita membuat ketetapan bahawa mulai sekarang, segala permasalahan rakyat yang ingin dirujuk kepada saya selaku ketua bahagian mesti disalurkan menerusi ketua cawangan terlebih dahulu. Tak kiralah sama ada masalah ingin mendapatkan kerja, penempatan atau pertukaran tempat kerja, permohonan biasiswa dan sebagainya. Ketua cawangan akan menyampaikannya kepada saya.

Dalam pada itu, pentadbiran pejabat Umno Jeli di Kompleks Umno Bukit Nangka dikemaskinikan supaya lebih tersusun. Kita ingin meningkatkan tahap dan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Kita ada beberapa kakitangan sepenuh masa dan tenaga mereka perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Sebagai langkah awal, kita mahu mereka berada di pejabat mengikut waktu kerja bagi menerima sebarang cadangan, rungutan atau masalah rakyat. Mereka yang datang perlu dilayan dengan mesra. Segala aduan kemudiannya akan diangkat

ke pihak berkenaan untuk tindakan lanjut.

BN membawa banyak pembangunan di Jeli, tapi rakyat tetap memilih Pas. Mengapa Datuk masih ingin memperbaiki perkhidmatan sedangkan mereka tidak berterima kasih?

Apa sekalipun keadaannya, matlamat akhir kita ialah untuk berkhidmat kepada rakyat. Saya puas hati kerana walaupun kalah, saya tahu saya sudah mencuba sedaya-upaya untuk berkhidmat dengan bersungguh-sungguh. Mungkin ada di kalangan penduduk Jeli yang tidak bersyukur, namun kita yakin satu hari nanti mereka akan mengubah pendirian.

Kebelakangan ini pun ada yang menyesal kerana menolak BN. Saya bukan lagi wakil mereka di Parlimen, tapi saya dengar juga rintihan rakyat. Ada yang kata keadaan di Jeli tidak semeriah dulu, terutama ketika bulan puasa, sambutan hari raya dan menjelang permulaan penggal persekolahan. Dulu kita anjurkan macam-macam program untuk rakyat kerana kita memahami keperluan mereka, tapi keadaan sudah berubah. Kita sekarang pembangkang di Jeli.

Datuk banyak membawa perubahan fizikal di Jeli. Apakah usaha itu akan berterusan atau sebaliknya?

Saya idamkan Jeli menjadi Parlimen contoh. Kalau dulu Jeli dikelilingi hutan belantara, kini tidak lagi. Kita bawa projek seperti pejabat kerajaan, perpustakaan, sekolah, musala, premis perniagaan dan hospital. Kita mahu rakyat Jeli menikmati pembangunan seimbang, jasmani dan rohani seiring kemajuan negara.

Tapi sekarang saya tidak ada jawatan lagi, jadi tak dapatlah saya melakukan seperti dulu. Namun begitu, saya bertekad untuk meneruskan perkhidmatan dan berharap rakyat dapat menilai bahawa walaupun BN kalah, kita masih berazam untuk membantu mereka setakat termampu.

Saya tidak akan berganjak daripada iltizam meningkatkan taraf kehidupan penduduk di Jeli. Cuma sekarang mungkin caranya agak berbeza berbanding sebelum ini.

Lima tahun yang dilalui sebagai Ahli Parlimen Jeli membolehkan saya menyelami pelbagai permasalahan rakyat. Mereka puas hati kalau pemimpin sanggup meluangkan masa untuk mendengar apa yang ingin mereka katakan. Rakyat mahu dihargai dan itulah yang saya lakukan. Pada masa sama, saya juga sedar pembangunan fizikal sahaja tidak mencukupi. Harus ada pengisian dan perlu ada pembinaan insan.

(END)